

KUBUR PANGLIMA AWANG DI REMBAU?

Syazwan Msar
msahsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur
Sejarah Panglima Awang atau lebih dikenali sebagai Enrique de Malacca yang tergantung sejak ratusan tahun dahulu akhirnya terungkap apabila sekumpulan penyelidik menemui makam yang dikatakan berkemungkinan milik pelayar Melayu pertama itu yang disematikan selepas

mengharungi pelayaran mengelilingi dunia pada kurun ke-15. Menerusi kajian sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati kubur Sakai Laut Dalam yang juga tokoh di Kampung Padang Lekuk, Kota Rembau, Negeri Sembilan kemungkinan adalah kubur Panglima Awang berdasarkan beberapa catatan serta kajian mengenai. Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM Dr Rohaidah Kamaruddin, perkara berkenaan disokong catatan

daripada penulisan Antonio Pigafetta iaitu Magellan's Voyage (1524) versi Itali. Catatan berkenaan mendakwa Panglima Awang dikenali sebagai Taprobane atau Tok Purba dalam kalangan kelasi kapal ketika dia berlayar mengelilingi dunia. Dr Rohaidah berkata, walaupun tiada bukti atau catatan yang menyatakan Panglima Awang pulang ke Tanah Melayu atau Rembau khususnya namun Sakai Laut Dalam juga dipanggil sebagai Tok Purba cukup dikenali di kawasan berkenaan sebagai individu dihormati kerana mempunyai pengetahuan tinggi mengenai laut. "Berdasarkan semakan dan catatan sejarah, individu yang dipanggil Sakai Laut Dalam dibawa ke Rembau oleh Tok Letch selepas menemuinya di Pulau Cebu,



DR Rohaidah menunjukkan buku catatan Antonio Pigafetta versi Itali.

Penyelidik UPM rungkai misteri 'kehilangan' Enrique de Malacca di Selatan Filipina

Filipina pada 1521. "Sebaik tiba di Rembau, ada antara penduduk tempatan mengenali Sakai Laut Dalam itu berikutan dia adalah antara pembesar atau orang penting ketika zaman pemerintahan kerajaan Melaka," katanya di sini. Selain itu, beliau berkata, menerusi catatan Maximilianus Transylvanus turut menyatakan Panglima Awang mengelilingi dunia bersama kru kapal Trinidad iaitu Ferdinand Magellan

dan berjaya menghabiskan pelayaran seterusnya pulang ke Rembau. "Maximilianus Transylvanus adalah wartawan pada zaman terbabit yang akan menemui bual pelayar terkemuka terutama individu berjaya menghabiskan pelayaran mengelilingi dunia. "Antara perkara yang ditulis adalah membabitkan kejayaan Panglima Awang bersama kru kapal Trinidad yang berjaya mengelilingi dunia. "Menerusi penulisannya, Duarte Barbosa tidak menunaikan janji untuk membebaskan Panglima Awang sebagai hamba dan membayar sejumlah wang seperti yang diwasiatkan Ferdinand Magellan selepas kematiannya," katanya. Menurutnya, Panglima Awang yang turut digelar Henry The Black, Henrich, Ariberto dan Espinosa bukanlah murid seperti yang didakwa sesetengah pihak berikutan dia tidak makan khinzir yang dihidangkan sepanjang pelayaran selain enggan berkahwin dengan adik perempuan Ferdinand Magellan. "Tindakan panglima

Awang itu ada ditulis dalam buku Antonio Pigafetta berikutan masih berpegang teguh kepada ajaran Islam dan fakta berkaitan dia dibaptiskan pula hanya khabar angin kerana mahu menjamin keselamatan ketika berada di Sepanyol. "Oleh sebab itu, Panglima Awang sangat dihormati dalam kalangan kelasi kapal walaupun dia berstatus hamba, malah Ferdinand Magellan sangat menyayanginya kerana bijak dalam ilmu pelayaran," katanya. Sementara itu, beliau berkata, pihaknya juga akan melakukan kajian lebih teliti dengan mengambil sampel tanah kubur yang terletak di Kampung Padang Lekuk, Kota Rembau yang dipercayai adalah milik Sakai Laut Dalam atau Panglima Awang. "Kami mahu mendapatkan bukti terperinci iaitu memastikan sampel tanah berkenaan sama dengan usia atau sezaman Panglima Awang. "Walaupun, batu nisan ukiran Aceh tidak menyatakan secara terperinci kubur milik Panglima Awang namun ia menggambarkan ia kepunyaan golongan bangsawan," katanya.



MAKAM dipercayai milik Panglima Awang di Kampung Padang Lekuk, Kota Rembau, Negeri Sembilan.



PANGLIMA Awang diberi gelaran Sakai Laut Dalam kerana mempunyai pengetahuan tinggi mengenai laut.

METRO AHAD

METRO AHAD

Pencipta kompas pertama di dunia

Kuala Lumpur: Kepakaran dan kehebatan Panglima Awang sememangnya sudah terbukti apabila individu berkenaan sebenarnya adalah pencipta kompas pertama di dunia yang digunakan untuk berlayar bersama Ferdinand Magellan. Malah kecekapannya menentukan hala tuju kapal sewaktu pelayaran menyebabkan digelar Sakai Laut Dalam atau Tok Purba dalam kalangan warga tempatan ketika dia menjadi pembesar di Rembau, Negeri Sembilan. Perkara itu disahkan Pengarah Institut Peradaban Melayu (IPM) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS) Profesor Datuk Dr Mohd Rosli Sa'udin yang menyatakan pelayar Melayu itu diberikan gelaran berkenaan berdasarkan kepakaran mengemudi kapal serta berlayar di lautan. Beliau berkata, Sakai Laut Dalam bermaksud individu yang hebat atau cekap di lautan manakala gelaran Tok Purba pula

sinonim dengan masyarakat dulu yang memberi gelaran kepada mereka yang dihormati. "Kita jangan memandang sinis atau menganggap Melayu dulu adalah kuno kerana mereka begitu terlatih dan berilmu dalam dunia pelayaran malah berkemampuan membina kapal besar. "Oleh itu, ada kemungkinan Panglima Awang sebenarnya adalah Sakai Laut Dalam yang ditahan oleh pihak Portugis selepas menawan Melaka sebelum dibawa ke Sepanyol," katanya, di sini. Menurutnya, orang terdahulu tidak menggunakan nama sebenar ketika memperkenalkan diri demi menjamin keselamatan mereka selain gelaran yang diberikan bersesuaian dengan status serta keupayaannya dalam bidang tertentu. "Panglima Awang turut diketahui mempunyai kepakaran dalam menutur berbagai bahasa malah cekap berdagang dan bertunding dengan bangsa lain. "Hal ini terbukti apabila dia turut dipilih sebagai jurubahasa mewakili kru kapal ketika berlayar seterusnya berhenti di kerajaan tertentu untuk membeli barangan makanan," katanya.



Sebaik tiba di Rembau, ada antara penduduk tempatan mengenali Sakai Laut Dalam itu berikutan dia adalah antara pembesar atau orang penting ketika zaman pemerintahan kerajaan Melaka" Dr Rohaidah

Panglima Awang mengelilingi dunia



FERDINAND Magellan dikatakan sangat menyayangi Panglima Awang kerana bijak dalam ilmu pelayaran.

